

PERKEMBANGAN PENSEJARAHAN ISLAM DI ALAM MELAYU (Development of Islamic Historiography in Malay Archipelago)

Oleh:
Arba'iyah Mohd Noor*

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan perkembangan pensejarahan Islam di Alam Melayu. Pengkisahan mengenai perkembangan pensejarahan Islam ini akan dimulai dengan perkembangan Islam di rantau ini pada abad ke tujuh Masihi. Perkembangan yang paling mendasar adalah peranan al-Quran dan sebahagian pensejarahan Islam yang telah memberikan inspirasi dan kesedaran kepada orang Melayu mengenai kefahaman mereka tentang sejarah Islam.

Kata kunci: *Pensejarahan Islam, Sejarah Islam, Alam Melayu.*

Abstract

This article seeks to introduce the development of Islamic historiography in the Malay Archipelago. The chronology of the development of Islamic historiography starts off with the spread of Islam in this region in the seventh century. The greatest accomplishment however, was the role of the Quran and some Islamic historiographies that provided some historical inspirations and consciousness to the Malays in their understanding of Islamic history.

Keywords: *Islamic Historiography, Islamic History, Malay Archipelago*

Pengenalan

Sejarah Islam mula dipelajari oleh masyarakat Melayu seawal kedatangan Islam di Alam Melayu melalui kisah-kisah yang dipaparkan melalui al-Quran. Ini kerana dua pertiga daripada isi kandungan al-Quran mengandungi kisah sejarah selain hukum-hakam yang dapat dijadikan panduan dan pedoman bagi generasi akan datang. Selain itu, mereka juga turut didedahkan dengan pelbagai karya pensejarahan Islam yang telah dibawa bersama dalam menjalankan dakwah Islamiah. Karya-karya pensejarahan ini digunakan dalam menjalankan dakwah kerana rata-rata masyarakat Melayu gemar dengan kisah-kisah kepahlawanan yang memberi semangat kepada jiwa mereka terutamanya mengenai kisah pahlawan-pahlawan Islam, kisah peperangan, cara berkerajaan, kerasulan Nabi Muhammad s.a.w., penghijrahan baginda dan sebagainya. Secara tidak langsung kisah-kisah yang terdapat dalam pensejarahan Islam telah sedikit sebanyak memberi iktibar di samping mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu.

* Arba'iyah Mohd Noor, PhD, merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Perkembangan Islam di Rantau Alam Melayu

Secara umumnya kedatangan Islam di rantau ini seawal abad ke-7 yang telah dibawa masuk oleh para ulama luar yang rata-ratanya merupakan para pedagang adalah suatu peristiwa sejarah yang besar bagi penduduk kepulauan Melayu secara keseluruhannya. Hamka yang telah membuat kajian menggunakan sumber Cina dan tulisan T.W. Arnold menyebut peranan dakwah yang dimainkan oleh para pedagang Arab di rantau Alam Melayu dan dunia sebelah timur adalah sekitar abad ketujuh Masihi. Walaupun demikian pengislaman keseluruh kawasan rantau ini tidak seragam. Jika dilihat melalui kedatangan para pedagang Islam pada peringkat awal dianggarkan sekitar abad ke-7 lagi. Kelompok kecil pendakwah ini telah berada di rantau Melayu iaitu di bahagian barat Sumatera (674), dan 878 dan di Jawa pada 1082, di Champa 1039, Semenanjung Tanah Melayu pada 878 dan 1302 dan semakin bertambah ramai sekitar abad ke-15. Menurut sesetengah sarjana, Islam telah tersebar di rantau ini sejak abad ke-13 atau ke-14 berdasarkan kerajaan Samudera Pasai yang merupakan kerajaan Melayu-Islam pertama.

Jika didasarkan kepada penemuan batu nisan Syeikh Abdul Kadir Ibn Husayn Shah Alirah bertarikh 290H/902M di Tanjung Inggeris Alor Setar Kedah, batu nisan bertulisan Arab yang ditemui di Teluk Cik Munah Pekan Pahang bertarikh 419H/1028M menunjukkan bahawa Islam telah bertapak di rantau ini sejak abad ke-10.¹ Terdapat banyak teori tentang kedatangan Islam di Nusantara yang telah dibincangkan oleh sarjana-sarjana sejak 1960-an. Sesetengahnya berpandangan bahawa Islam telah dibawa dari Selatan India berdasarkan wujudnya batu-batu nisan yang serupa dengan yang terdapat di Gujerat dan Benggal di samping kehadiran pedagang-pedagang yang kebanyakannya berasal dari Gujerat, Coromandel dan Malabar. Antara mereka yang beranggapan sedemikian ialah sarjana-sarjana seperti Pijnappel, Snouck Hurgrenje, Moquette, Morrison, Winstedt, Schrieke dan sebagainya. Hamka yang merupakan antara tokoh awal mempopularkan teori ini menyebut bahawa orang Arab terutama saudagar yang berniaga di kawasan sebelah Timur telah menyebarkan Islam ke rantau ini. Selain itu, Syed Naquib al-Attas juga turut menyanggah pandangan sarjana barat dan berpandangan bahawa Islam telah dibawa dari Arab-Parsi berdasarkan pengarang asal karya kesusasteraan yang mengandungi nama orang Arab-Parsi. Selain itu nama dan gelaran para pembawa awal Islam di dalam karya kesusasteraan Melayu turut mengandungi nama orang Arab-Parsi.²

Kemasukan agama Islam ini telah memainkan peranan agak penting dari segi mengislamisasikan masyarakat tempatan sehingga berlakulah suatu perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Melayu. Para ulama yang datang ini telah

¹ Keterangan lanjut sila lihat Hamka (1997), *Sejarah Umat Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, h. 670-671. T.W. Arnold (1979), *The Preaching of Islam: A History of the Propagation of the Muslim Faith*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, h. 367-368. Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 8-12.

² Azyumardi Azra (2002), *Jaringan Global, dan Lokal Islam Nusantara*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 26-27. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h. 33-34. Hamka, *Sejarah Umat Islam*, h. 670.

mengislamkan masyarakat Melayu yang rata-ratanya beragama Hindu secara peringkat demi peringkat dan cuba menukar corak pemikiran mereka sama ada golongan diraja, bangsawan dan rakyat biasa kepada cara hidup Islam yang sebenar.³ Mereka menyajikan Islam dalam bentuk yang ilmiah iaitu dengan menekankan pembuktian ke atas setiap ajaran agama. Misalnya tentang kewujudan Tuhan yang Maha Esa dibuktikan melalui kewujudan alam ini. Jika tiada penciptanya sudah tentu alam ini juga tidak akan wujud dengan sendirinya. Secara tidak langsung pembuktian secara rasional dan ilmiah ini telah menukar aliran sejarah yang sebelumnya banyak dipengaruhi oleh ajaran animisme dan Hindu-Buddha yang berasaskan kedewaan dan pemujaan bersifat kesenian kepada satu aliran yang lebih berasaskan ilmu dan akal.

Dalam usaha mengislamisasi masyarakat Alam Melayu, para ulama telah melakukan beberapa cara dan kaedah untuk menarik lebih ramai orang Melayu menganuti agama Islam. Antara tugas awal yang dilaksanakan ialah mengajar ilmu agama di istana-istana, mempelajari bahasa dan budaya Melayu serta sesetengahnya pula mengahwini penduduk tempatan.⁴ Perkahwinan campur merupakan antara kaedah yang dirasakan sesuai kerana melalui perkahwinan campur akan terbentuk komuniti Muslim yang memainkan peranan penting dalam mendidik dan menyebarkan Islam. Melalui penampilan mereka yang berkarisma dan kekuatan akliyah telah menyebabkan para pemerintah serta rakyat setempat dapat menerima mereka dengan mudah dan yakin. Sesetengah daripada mereka pula telah berkahwin dengan keluarga diraja untuk memperolehi kedudukan yang istimewa dalam kerajaan seperti menjadi penasihat raja atau sultan dalam urusan keagamaan serta undang-undang. Keadaan ini lebih memudahkan lagi mereka menyebarkan Islam di samping mengajar agama kepada para penuntutnya. Secara tidak langsung penyebaran Islam dalam kalangan atasan iaitu golongan pemerintah telah akhirnya dituruti juga oleh rakyat bawahan.⁵

Selain itu, pendidikan agama juga memainkan peranan penting kerana tanpa pendidikan, masyarakat tidak akan dapat memahami dan mempraktikkan Islam dengan sebenar-benarnya dalam kehidupan mereka. Terdapat usaha dalam kalangan para ulama untuk memberikan pendidikan dalam kalangan masyarakat melalui pengajian agama di istana atau masjid-masjid. Bukti pengajian agama di istana dapat dilihat melalui *Sejarah Melayu* yang menyebut bahawa Maulana Abu Bakar telah membawa sebuah kitab teologi (usuluddin) bercampur tasawwuf yang ditulis oleh gurunya iaitu seorang sufi bernama Abu Ishaq bertajuk *Durr al-*

³ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5-6. Lihat juga Syed Muhammad Naquib al-Attas (1966), "Raniri and the Wujudiyah of the 17th Century Aceh," *MBRAS* III, Singapore, h. 1-2 .

⁴S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysia Sociological Research Institute, h. 83. Syed Farid Alatas (1985), "Notes on Various Theories Regarding the Islamization of the Malay Archipelago", dalam *The Muslim World*, Vol. LXXV, Hartford: The Duncan Black MacDonald Center, h. 170.

⁵ Azyumardi Azra, *Jaringan Global dan Lokal Islam Nusantara*, h. 31.

*Manzum*⁶ kepada Sultan Mansur Shah⁷(1459-1477) di istana Melaka. Kemudian baginda telah menitahkan supaya buku tersebut dibawa ke istana Pasai untuk mendapatkan penjelasan dan tafsiran lanjut sebelum dibawa ke Melaka semula untuk dipelajari oleh baginda sendiri.⁸ Ini kerana Pasai terkenal sebagai sebuah kerajaan awal menerima Islam⁹ dan masyhur dari segi pengajian agama dan kesusasteraan Melayu-Islam.¹⁰

⁶ *Durr al-Manzum* bermaksud *Mutiara Terkarang* atau *Seuntai Mutiara* adalah sebuah kitab tasawwuf yang terkenal di Melaka di zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah. Terdapat kesilapan dari segi penyalinan judul karya tersebut sehingga membawa perubahan makna yang berbeza dan tidak sesuai dengan isi kandungannya. Misalnya sesetengah sarjana menyebutnya *Durr al-Mazlum (Sejarah Melayu* versi Abdullah Munshi terbitan E.J. Brill, Leiden) yang membawa maksud “Mutiara Orang Yang kena Zalim”, *Duri'l Mazlum* (versi A. Samad Ahmad) dan *Darul-Mazlum* (versi Shellabear) bererti “Negara atau tempat Orang Yang Kena Zalim”. Karya ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama membahaskan tentang zat Allah, bahagian kedua membahaskan tentang sifat-sifat Allah dan bahagian ketiga membahaskan tentang af'al-Nya. Shafie Abu Bakar, “Kitab al-Durr al-Manzum dan Kitab al-Luma’ Sebagai Pancaran Budaya Ilmu di Melaka: Permasalahan dan Pengaruh Lanjutannya,” kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 21-23 Ogos 1989, h. 7-8. Wan Muhammad bin Wan Ali, ‘Suntingan dan Anotasi Sebuah Kitab Tasawwuf Melayu Kurun Ketiga Belas Hijrah/ Kedelapan Belas Masihi: ad-Durru’n-Nafis,’ Tesis Sarjana Persuratan, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, h. 52.

⁷ Sultan Mansur Shah adalah putera kepada Sultan Muzaffar Shah. Sebelum menjadi sultan, baginda telah dijaga oleh bapa saudaranya iaitu Raja Puteh sehingga diangkat menjadi Sultan Melaka setelah kemangkatan ayahandanya. Akhirnya Raja Puteh telah dibunuh dengan keris oleh Sultan Mansur Shah disebabkan tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Armando Cortesao (1994) (terjemahan), *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: The Hakluyt Society, h. 246-247. Selepas ini disebut *The Suma Oriental* sahaja.

⁸ Ismail Hamid, (1983), *The Malay Islamic Hikayat*, Monograf 1, UKM: Institut Bahasa, h. 19. Lihat juga R.Winstedt (1969), *A History of Classical Malay Literature*, Oxford: Oxford University Press, Edisi kedua, h. 135.

⁹ Samudra-Pasai dikatakan negeri yang mula-mula menerima Islam di rantau berdasarkan beberapa bukti iaitu catatan tarikh pada batu nisan Sultan Malikul Salih iaitu pada 697/1297, keterangan daripada catatan Marco Polo, berita Cina yang disebut oleh Yuan Shih dan keterangan daripada catatan Ibn Batuta. Marco Polo yang mengembara dan singgah di Sumatera pada 692/1292 menyebut Ferlec yang tidak jauh daripada Samudra-Pasai telah menerima Islam pada masa itu. Sementara catatan Yuan Shih menyebut bahawa satu misi Cina yang dalam perjalanan pulang dari Ma’bar di Koromandel pada 681/1282 telah dijemput singgah di Sa-mu-tu-la. Misi ini telah mendapat sambutan daripada raja dan telah menghantar dua orang menterinya membawa misi ke negeri Cina; seorang bernama Hasan dan seorang lagi bernama Sulayman. Manakala dalam catatan pengembaraan Ibn Batutah (*Rihlah Ibn Batutah*) ada menyebut bahawa sewaktu dalam pelayaran ke negeri China, beliau sempat singgah dan melawat Pasai pada 1345/6. Menurutnya raja Pasai iaitu Malik al-Zahir adalah seorang sultan yang beragama Islam dan bermazhab Shafie. Pasai ketika itu telah menjadi pusat perkembangan Islam terkenal sehingga menjadi tumpuan dan tempat pertemuan ulama-ulama dan ahli tasawuf Islam di Alam Melayu. Sultan Malik al-Zahir juga begitu rapat dengan mereka, amat menyayangi ulama dan gemar mempelajari ilmu-ilmu agama dengan mengundang mereka ke majlis ilmu yang di adakan di istana. Berdasarkan bukti-bukti ini menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya sejak 1282 atau lebih awal daripada itu, Sumatera-Pasai telah menerima Islam. A.Hill (1960), “Hikayat Raja-raja Pasai”, *JMBRAS*, vol.XXXIII, Pt.2, h. 8,9,11. Lihat juga Abdul Rauh Yaacob (penyelenggara), *Lembaran Sejarah dan Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, h. 73. Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, h. 19. R.Winstedt (1969), *A History of Classical Malay Literature*, Oxford: Oxford University Press, h. 90. S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysia Sociological Research Inst., h. 8-12.

¹⁰ Setelah Pasai menerima Islam negeri ini telah digelar negeri ‘Daru’l-Islam’ yang bererti negeri Islam dan berusaha menjalankan hukum-hukum menurut perintah Allah. Sultannya telah diberi gelaran Islam iaitu Shah Alam Zilullah di’l Alam yang bermaksud bayangan Allah di muka bumi ini. Jawatan menteri yang diwujudkan menempati gelaran wazir di dalam bahasa Arab. Shafie Abu Bakar, ‘Institusi

Kitab ini kemudiannya telah ditafsir oleh seorang ulama Pasai bernama Tuan Pematakan atau Tuan Patakan setelah dipertanggungjawabkan oleh Sultan Pasai.¹¹ Kitab *Durr al-Manzum*¹² yang memang terkenal sejak zaman Sultan Mansur Shah ini kemudiannya terus dipelajari oleh golongan istana seperti Sultan Alauddin Riayat Shah¹³ dengan bergurukan Maulana Abu Bakar dan puteranya Raja Ahmad atau Muhammad (Sultan Mahmud Shah)¹⁴ yang bergurukan Maulana Sadar Jahan.¹⁵ Rentetan daripada pengaruh pengajian agama ini maka kerajaan-kerajaan lain seperti Melaka, Aceh, Riau dan sebagainya yang bangkit selepas Pasai juga turut melakukan hal sedemikian.

Shaykh ‘Abdul Malik bin ‘Abdullah’ (Satu Corak Pengajian Tradisi di Trengganu) dan Kitab-kitab Padanya,’ Tesis Sarjana Persuratan, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, h. 16-17.

¹¹ Dengan usaha dan jasa tersebut mereka telah diberi hadiah berupa tujuh tahlil emas urai serta dua orang perempuan bernama Dang Bunga dan Dang Bibah oleh Sultan Mansur Shah. A. Samad Ahmad (penyelenggara) (1996), *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 157-161. Selepas ini disebut *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu* sahaja. Mahayudin Hj. Yahaya (2003), *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 12. Lihat juga A. Samad Ahmad (1958), *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 42-43. Lihat juga R. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, h. 135.

¹² Menurut keterangan daripada Mahayudin Hj. Yahaya yang didasarkan menerusi *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Abdullah*, kitab *Durr al-Manzum* terkenal di rantau ini kerana telah dipelajari bukan sahaja masyarakat Melaka tetapi juga masyarakat Aceh dan Riau selain kitab *Umm al-Barahin*. *Tuhfat al-Nafis* turut menyebut bahawa kitab *Umm al-Barahin* telah diajar oleh Raja Ali Haji kepada Engku Muda Raja Abdullah selain kitab *Jawhrat al-Tawhid*, *Bidayah al-Hidayah*, *Minhaj al-Abidin* dan sebagainya. Mahayudin Hj. Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, h.3. Lihat juga Virginia Matheson Hooker (1991), *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 593. Selepas ini disebut *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam* sahaja.

¹³ Tidak banyak maklumat mengenai Sultan Alauddin Riayat Shah. Menurut catatan *Sulalatus Salatin*, namanya sebelum diangkat menjadi sultan ialah Raja Ahmad atau timang-timangannya Raja Hussin. Ibunya adalah saudara kepada Bendahara Paduka Raja yang diperisterikan oleh Sultan Mansur Shah. Sultan Alauddin kemudiannya berkahwin dengan Tun Naja (puteri kepada Seri Nara Diraja Tun Ali) memperolehi Raja Hitam, Raja Muhammad (Sultan Mahmud Shah) dan Raja Fatimah. Melalui perkahwinan dengan isterinya yang lain memperolehi Raja Menawar dan Raja Zainal. Tome Pires pula menyebut bahawa Sultan Mansur mempunyai dua orang putera dan dua orang puteri. Puteranya ialah *Alaadin* dan seorang lagi telah mangkat semasa sedang berburu. Setelah kemangkatan Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin telah diangkat menggantikan pemerintahannya. Pada 1488 Sultan Alauddin telah mangkat di Pagoh kerana dipercayai diracun oleh Raja Pahang dan Inderagiri. Kemungkinan Raja Inderagiri ini ialah Raja Merlang yang mengahwini saudara perempuan Sultan Alauddin iaitu Raja Bakal dan tinggal di Melaka. *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, h. 173. Muhammad Yusoff Hashim (1989), *Kesultanan Melayu Melaka: Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 114. Lihat juga W. Linehan (1973), “A History of Pahang”, *MBRAS.*, h. 15 dan *The Suma Oriental of Tome Pires*, h. 250.

¹⁴ Baginda merupakan putera Sultan Alauddin dengan isterinya, Tun Senaja (anak Seri Nara Diraja). Setelah ayahandanya mangkat, baginda telah ditabal menjadi Sultan Melaka dengan dipangku oleh Bendahara dan Laksamana serta beberapa pembesar lain. Seri Bija Diraja dikatakan memberi bayangan terhadap penolakan baginda sebagai sultan dan keadaan ini menyebabkan Sultan Mahmud sentiasa berdemang dengan Seri Bija Diraja. Menurut Tome Pires, sesetengah pembesar ingin Raja Sulaiman (anak Sultan Alauddin dengan isterinya dari Pahang) menjadi Sultan tetapi Bendahara lebih memihak kepada cucunya, Raja Mahmud. Manakala *Sulalatus Salatin* menyebut Raja Tua ingin cucunya Raja Menawar (Kampar) menjadi Sultan Melaka. Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, h. 39-40. *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, h. 187-188. Lihat juga *The Suma Oriental*, h. 252.

¹⁵ Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, h. 20.

Pada ketika ini pengajian agama bukan sahaja dalam bidang teologi semata-mata malah terdapat juga bidang tasawwuf dan hukum fiqh (syariah) sehingga mempengaruhi pemikiran sesetengah raja¹⁶ dan sejarawan Melayu.

Pengajian Ilmu Sejarah dan Tulisan Jawi

Perkembangan agama Islam yang menggalakkan umatnya mendalami ilmu pengetahuan tidak hanya tertumpu kepada ilmu berbentuk agama semata-mata tetapi turut diberi penekanan dari segi ilmu sejarah yang juga mempunyai pengajaran dan nilai moral yang tinggi. Dalam konteks ini kelihatan selain pengajian agama, pengajian sejarah juga turut berkembang selari dengan kemasukan Islam di rantau ini. Tradisi pengajian hikayat berbentuk sejarah dipercayai telah berlaku lebih awal di Melaka kerana Melaka merupakan pusat perkembangan Islam terkenal pada pertengahan abad ke-15.

Sebagai pusat perkembangan Islam sudah tentu para ulama yang datang bukan sekadar menyebarkan Islam malah turut menyampaikan beberapa buah kisah sejarah yang terdapat di dalam al-Quran mahupun karya pensejarahan Islam. Kisah-kisah sejarah yang dipaparkan dalam al-Quran kemudiannya telah ditafsir dan dihurai oleh para ulama di samping menterjemah sesetengah karya pensejarahan berbahasa Arab-Parsi ke dalam bahasa Melayu untuk memudahkan pemahaman masyarakat agar mereka dapat menjadikannya sebagai pengajaran dan renungan. Oleh itu boleh dikatakan pendidikan Islam ketika itu bersifat timbal-menimbal atau saling tampung-menampung iaitu tidak terikat hanya kepada pendidikan agama semata-mata malah turut memuatkan pengajaran berbentuk sejarah.

Kemudian tradisi pengajaran sejarah ini telah dipraktikkan pula di Aceh setelah Aceh menjadi kuasa terkuat¹⁷ di rantau ini. Misalnya pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda,¹⁸ selain pengajaran agama terutamanya tasawwuf baginda

¹⁶ Misalnya kelahiran kitab *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang telah ditulis di zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah menunjukkan bahawa pengaruh daripada pengajian hukum fiqh ini telah tersebar sehingga ditulis sebagai panduan dalam pemerintahan Melaka. *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, h. 86-87. Lihat juga Abu Hassan Sham (1995), *Hukum Kanun Melaka*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, h. 49 dan 118.

¹⁷ Pada 1525 kerajaan Aceh bahagian utara Pulau Percha (Sumatera) mula bangkit dan Sultan Ibrahim di Aceh Utara telah dapat menakluki Pasai dengan jayanya sehingga ramai ulama yang berada di Pasai beralih tumpuan ke Aceh. Kerajaan Aceh menjadi bertambah luas apabila penaklukan telah dapat dilakukan sehingga ke Bangkahulu termasuk daerah-daerah pantai laut Minangkabau (Padang, Bengkulu, Moko-moko, Pariaman, Tiku) yang mana semua daerah ini berada di bawah kerajaan Aceh selama 50 tahun. Manakala di Timur pula Aceh telah meluaskan pula kuasanya sehingga ke Jambi, Siak, Riau, Lingga dan Semenanjung Tanah Melayu (Johor dan Pahang). A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, h.29-30.

¹⁸ Menurut *Bustan al-Salatin*, Sultan Iskandar Muda mula memerintah Aceh pada 6 Zulhijjah selepas kemangkatan Sultan Ali Riayat Shah ibn Alauddin Riayat Shah pada 1015H. Baginda digambarkan sebagai seorang raja yang alim dan menjalankan pentadbiran Islam di dalam kerajaannya. Misalnya menyuruh semua rakyatnya bersolat lima waktu, berpuasa Ramadhan dan puasa sunat, menegah mereka meminum arak, tuak dan berjudi, membina masjid Bait al-Rahman, melaksanakan sistem Baitulmal, cukai dan sebagainya. Jelani Harun (penyelenggara) (2004), *Bustan al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 341-342. Selepas ini disebut *Bustan al-Salatin I* sahaja.

turut menggalakkan tradisi membaca hikayat yang sebahagiannya berbentuk sejarah sehingga menjadi aktiviti utama bagi masyarakat Melayu Aceh. Mereka telah mengorbankan masa di waktu malam hari semata-mata ingin mendengar hikayat yang dibaca atau diceritakan oleh para pedagang yang juga merupakan ulama. Memandangkan matlamat para ulama dan pedagang untuk menyebarkan Islam maka mereka juga sanggup berkorban membahagikan masa mereka untuk membaca hikayat-hikayat yang sedia ada ketika itu sambil menunggu musim angin monsun berubah sebelum mereka meneruskan pelayaran ke destinasi yang lain.¹⁹ Dengan kekuasaan Aceh yang meluas keluar dari Sumatera iaitu di Johor (1615), Pahang (1618), Kedah (1619) dan Perak (1620), sedikit sebanyak telah meninggalkan pengaruh yang kuat terutamanya dalam tradisi pengajian agama dan sejarah ini.

Tradisi pengajian ini tidak terhenti setakat abad ke-17 malah diteruskan pada abad ke-18 dan ke-19. Misalnya di istana Perak pada abad ke-18, tradisi “membaca hikayat Jawa dan syair ikat-ikatan”²⁰ dalam kalangan anak raja telah dilakukan semasa persiapan perkahwinan Raja Iskandar dan juga ketika meraikan pertabalannya sebagai Sultan Perak ke-15. Begitu juga di Riau pada abad ke-19, tradisi membaca karya sejarah ini jelas dapat dilihat melalui *Kisah Pelayaran ke Riau* yang menyebut bahawa orang Riau “kebanyakan dari mereka duduk membaca syejarah dan sanjaran raja-raja Melayu dan bercakap-cakap akan hal dan peraturan dahulukala”²¹ di samping *Tuhfat al-Nafis* yang turut menyebut bahawa masyarakatnya “suka mendengar (-dengar tuan-tuan syed berceritakan) hikayat raja-raja yang (dahulu-dahulu yang) di sebelah atas angin”.²²

Melalui pengajian agama dan sejarah di beberapa buah kerajaan Melayu ini maka telah terbentuk satu golongan intelektual yang sedar akan kepentingan ilmu pengetahuan²³ dan mereka turut berkebolehan dalam pelbagai bidang keilmuan. Buktinya dapat dilihat melalui dakwaan De Eredia, sewaktu beliau berada di Melaka pada abad ke-16:

*The majority of the Malayos are cheerful, roguish, and very wanton; ingenious and intelligent, but negligent and careless about studies and arts; they spend their time amusing themselves, and so, as a rule, few literati, mathematicians, or astrologers are to be found amongst them.*²⁴

¹⁹ Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, h.44.

²⁰ Ahmad Fauzi Mohd Basri (penyelenggara) (1992), *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 26. Selepas ini disebut *Misa Melayu 1* sahaja. Lihat juga h. 15.

²¹ Petikan ini telah dipetik oleh Matheson melalui microfilm JQ Mal.3, h. 1-2 yang terdapat di Universiti Singapura. Virginia Matheson, *Kisah Pelayaran ke Riau: Journey to Riau, 1984*, IC no. 36, Mac 1985, h. 3.

²² *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, h. 496-497.

²³ Hal ini dapat dilihat di Aceh pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam atau digelar juga sebagai Sultan Iskandar Muda Johan Perkasa Alam Shah telah melahirkan tokoh-tokoh berwibawa seperti Hamzah Fansuri, Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani, Syeikh Abd. Rauf Singkel, Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Bukhari al-Jauhari dan sebagainya. Mereka telah mengarang karya agama dengan tujuan untuk membudayakan kehidupan intelektual di kalangan masyarakat Melayu.

²⁴ de Eredia Godingo (1997), “Description of Malaca, Meridional India and Cathay”, J.V. Mills (terjemahan), *MBRAS*, Reprint 14, h. 31.

Begitu juga dengan kenyataan Francois Valentyn dalam gambarnya tentang masyarakat Melaka pada awal abad ke-18 seperti berikut:

*The Malays are the most cunning, the most ingenious and the politest people of the whole East...Their language, Bahasa Malayu...the Malays are accustomed to study it, trying their utmost to enlarge their knowledge of it and to learn Arabic; even some among them the Persian language too, and those who are more studious still strive to obtain knowledge of the Sanskrit...*²⁵

Melalui kedua-dua petikan di atas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Melayu adalah bijaksana, mahir, cerdik dan boleh membaca serta menulis. Walaupun dikatakan ketika ini mereka lalai dari segi pelajaran dan kemahiran kerana lebih banyak menghabiskan masa dengan berseronok namun masih terdapat di kalangan mereka yang telah menjadi pemerintah, ahli matematik, ahli kaji bintang, sejarawan dan sebagainya. Mereka bukan sahaja menguasai bahasa Melayu tetapi turut mempelajari bahasa Arab dan sesetengahnya mempelajari bahasa Parsi serta Sanskrit. Disebabkan sesetengahnya telah mempunyai kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan, mempunyai kebijaksanaan dan pelbagai kebolehan maka tidak mustahil mereka telah dapat melahirkan pelbagai jenis karya di dalam bahasa Melayu-jawi. Hal ini telah diakui oleh George Wernrdly melalui keterangannya yang telah diterbitkan oleh Belanda pada 1736 bahawa terdapat 69 buah karya Melayu yang berada di dalam pengetahuannya dan kemungkinan bilangannya lebih daripada itu kerana ia tersimpan di istana-istana raja. Antaranya ialah *Hikayat Iskandar*, *Bustan al-Salatin*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Hang Tuah* dan sebagainya. Dengan banyaknya bilangan karya tersebut maka beliau mendakwa bahawa bahasa Melayu dan ilmu pengetahuan telah berkembang subur dalam kalangan masyarakat Melayu di rantau ini.²⁶

Selain itu, bahasa Melayu juga dilihat turut memainkan peranan penting dalam penulisan karya Melayu termasuk karya sejarah. Peringkat awal bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa pengantar Islam oleh para pedagang Arab sebagai bahasa pengantara dan alat penyebar agama Islam.²⁷ Kemudian ia telah mula diislamisasikan dimana para ulama telah membawa bersama tulisan Arab yang dijadikan tulisan Melayu dengan tambahan beberapa huruf istimewa.²⁸ Usaha-usaha turut dijalankan dalam kalangan mereka untuk menyusun huruf jawi berasaskan huruf Arab dan dilengkapkan pula dengan beberapa huruf tambahan

²⁵ Muller (terjemahan) (Jun 1884), "Valentyn's Description of Malacca", *JSBRAS*, No. 13, h.52-53.

²⁶ Andaya, Barbara Watson (1979), *Perak, The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth-Century Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 158-159. Selepas ini disebut *Perak, The Abode of Grace* sahaja.

²⁷ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, h. 42.

²⁸ Walaupun bahasa Melayu kuno telah lebih awal digunakan di dalam kerajaan Sriwijaya dan Majapahit namun ia tidak dianggap telah memenuhi konsep bahasa Melayu sepertimana yang difahami pada hari ini. Bagi Syed Naquib al-Attas, memang diakui bahawa istilah 'orang Melayu' dan 'negeri Melayu' telah wujud tetapi istilah 'bahasa Melayu' masih belum wujud pada zaman tersebut. Malah tiada satu tulisan tunggal pun yang dapat mengikat dan menyatupadukan perpaduan bagi seluruh golongan bangsa Melayu, apalagi tulisan-tulisan sejarah. *Ibid.*, h. 43.

menurut kaedah huruf-huruf Parsi.²⁹ Hasil kebijaksanaan dan kreativiti ulama-ulama Melayu, mereka berjaya menyesuaikan, menggabung dan menyusun kedua-dua huruf Arab dan Parsi ini sehingga terbentuk huruf-huruf Arab-Melayu³⁰ atau dikenali juga dengan huruf Melayu-jawi.³¹ Hasil gabungan antara beberapa sumber Arab, Parsi dan Melayu, secara tidak langsung telah dapat memperkayakan lagi perbendaharaan kata Melayu dan menaikkan imej tamadun bangsa Melayu. Dengan keadaannya yang mudah dipelajari,³² akhirnya bahasa Melayu-Islam telah mendapat tempat, menjadi bahasa perantara (*lingua franca*) dan digunakan dengan begitu meluas di Alam Melayu terutama dalam bidang perdagangan. Hal ini dapat diperhatikan melalui kenyataan Valentyn seperti berikut:

*Their language, Bahasa Malayu, i.e., the Malay language ...was not only spoken on that coast, but was used through the whole of India and in all Eastern countries, as a language understood everywhere and by every one...And if you don't understand this language, you are considered a very badly educated man in the East...*³³

Secara umumnya tulisan jawi telah diajar kepada sebahagian besar masyarakat Melayu di rantau ini kerana melalui tulisan jawi³⁴ ini maka seseorang akan lebih mudah membaca al-Quran. Ini kerana tulisan Melayu-jawi mempunyai sedikit sebanyak persamaan dengan huruf-huruf yang terdapat di dalam al-Quran. Apabila masyarakat telah dapat membaca al-Quran, maka secara tidak langsung mereka telah diajar untuk berfikir, mendalami ilmu pengetahuan serta mengambil

²⁹Saudagar-saudagar dari Gujerat telah membuka jalan bagi pengaruh Parsi meresap ke dalam kehidupan orang Melayu bukan sahaja di dalam bidang kesusasteraan bahkan juga dalam adat-istiadat, bahasa serta agama. Antara pengaruh Parsi ialah seperti gelaran Shah, perkataan istana, dewan, lashkar, nobat, nafiri, rebab, saudagar, nakhoda, gandum, anggur, badam, dan sebagainya. Manakala huruf-huruf Parsi yang digunakan dalam huruf ejaan jawi sehingga sekarang ialah huruf cha, nga, ga dan nya. A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, h. 2 dan 6.

³⁰ Pengkajian mengenai penggunaan istilah-istilah Arab di dalam bahasa Melayu telah dilakukan oleh Amran Kasimin di dalam tesis M.A nya. Sila rujuk Amran Kasimin, 'Arabic Words in the Malay Vocabulary: A Critical Study of Existing Malay Dictionaries,' Tesis M.A, Sarjana Perurusan, Institut Bahasa Melayu, Kesusasteraan dan Budaya, UKM, Kuala Lumpur, 1976.

³¹ Istilah 'jawi' merujuk kepada nama gelaran orang Arab terhadap seluruh bangsa di daerah Kepulauan Alam Melayu. Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, h. 43. Mahayudin Hj. Yahaya, *Naskah Jawi: Sejarah dan Teks*, h. 20.

³² Menurut dokumen Portugis, bahasa Melayu telah digunakan di dalam urusan perdagangan di Melaka pada ketika itu dan ia merupakan bahasa yang mudah dipelajari. M.J. Pintado (translation) (1993), *Portuguese Documents on Malacca 1509-1511*, vol. 1, Kuala Lumpur: Arkib Negara, h. 85.

³³ Muller (terjemahan), "Valentyn's Description of Malacca", h. 52-53.

³⁴ Menurut Syed Naquib al-Attas, tulisan Melayu-jawi awal yang telah digunakan ialah di Terengganu berdasarkan bukti batu bersurat Terengganu bertarikh 22 Februari 1303M yang mencatat peristiwa bersejarah iaitu peristiwa Isra' dan Mi'raj bagi Nabi Muhammad s.a.w. Menurut Shafie Abu Bakar tulisan jawi masih belum diperkenalkan di beberapa tempat di rantau ini kerana beberapa batu bersurat yang ditemui seperti di Gresik, Jawa (475H/1082M) dan Jolo, Filipina (710/1310) masih menggunakan tulisan Arab. Selain itu batu bersurat yang ditemui di Minye Tujuh (782H/1380M) yang mempunyai unsur-unsur Islam pula bertulisan Sanskrit. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1970), *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, h. 24. Shafie Abu Bakar, 'Institusi Shaykh 'Abdul Malik bin 'Abdullah', h 11. Lihat juga isi kandungan batu bersurat tersebut dalam Mohd Saleh Hj. Awang (Dato' Haji), "Batu Bersurat Terengganu: Bacaan, Tafsiran dan Ulasan Isi Kandungan serta Keadaannya", kertas kerja Wacana Batu Bersurat, 11 April 1992, h. 8-14.

pengajaran melalui kisah sejarah yang terdapat di dalamnya. Ini kerana selain terdapat perintah atau hukum-hukum tertentu, Al-Quran juga turut memerintahkan umat Islam untuk mempelajari sejarah. Misalnya surah Yusuf ayat 109 yang berbunyi:

Dan Kami tidak mengutuskan sebelum engkau hanya beberapa orang laki-laki dari penduduk negeri ini yang Kami wahyukan mereka. Apakah mereka tidak berjalan di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat orang-orang yang sebelum mereka. Dan sesungguhnya kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang memelihara dirinya dari kejahatan. Tidakkah kamu fikirkan?

Daripada ayat tersebut menunjukkan bahawa terdapat suruhan mempelajari sejarah silam agar dapat difikir, dimengerti, difahami dan dijadikan panduan bagi masa hadapan. Melalui al-Quran, umat Islam dapat mempelajari mengenai kisah penciptaan manusia, sejarah nabi-nabi terdahulu, kisah kebangkitan dan kejatuhan sesebuah kerajaan seperti kerajaan Saba',³⁵ kaum 'Ad dan Thamud,³⁶ kisah syurga, neraka dan sebagainya. Melalui perintah dan beberapa kisah yang boleh dijadikan iktibar untuk masa hadapan ini sedikit sebanyak telah memberi kesedaran awal tentang konsep sejarah dalam pemikiran masyarakat Melayu serta perkembangan karya penasejaraan seterusnya.

Melalui perkembangan tulisan jawi juga, sesetengah hasil karya agama termasuk sejarah telah diterjemah dan disadur terus daripada hasil-hasil kesusasteraan Arab dan Parsi. Ini dapat dilihat melalui kenyataan Peter Ridell bahawa:

The process of intergration experienced by Islam was translated into the literature of the Malay societies in question. The Malay world witnessed a body of Islamic literature being grafted on to

³⁵ Kerajaan Saba' yang terletak di negeri Yaman dianggap sebagai sebuah kerajaan yang telah bertamadun. Ini dapat dibuktikan melalui Empangan Ma'rib iaitu sebuah empangan terbesar dan terpenting bagi kaum ini yang menggambarkan bahawa masyarakatnya telah mencapai tahap teknologi tersebut. Selain itu kerajaan Saba' juga mempunyai tentera yang kuat di rantau itu dan telah menguasai banyak kawasan di Afrika dan pada 24 S.M. tentera Saba' telah dapat mengalahkan tentera Marcus Aelius Gallus iaitu gabenor Mesir bagi empayar Rom yang merupakan kerajaan terkuat ketika itu. Kekuatan tenteranya yang luar biasa ini turut diceritakan di dalam al-Quran iaitu surah al-Naml mengenai rajanya iaitu Puteri Balqis yang bijaksana. Kerajaannya begitu kaya kerana mempunyai tanah yang subur dengan hasil tanaman yang banyak. Walaupun demikian kaumnya ini dikatakan menyembah matahari dan engkar kepada perintah Allah. Akhirnya beliau tunduk kepada Nabi Sulaiman dan menyembah Allah. Begitu juga dalam surah Saba' turut menceritakan keingkaran kaumnya maka diturunkan bencana hujan lebat sehingga merosakkan Empangan Ma'rib yang menjadi kebanggaan mereka. Harun Yahya (1999), *Perished Nations*, Istanbul: Ta-Ha Publishers, h. 115. Lihat juga Surah Saba', ayat 10-21. Surah al-Naml, ayat 15-44 dan Hamka (1985), *Tafsir al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional, juz' 19, h. 5206-5228 dan juz' 22, h. 5822-5845.

³⁶ Bagi kaum 'Ad, Nabi Hud telah diutuskan untuk berdakwah, manakala bagi kaum Thamud pula Nabi Salleh pula telah diutuskan kepada mereka bagi mempercayai hanya Allah yang layak disembah. Namun kaum 'Ad dan Thamud telah mengingkari perintah tersebut di samping menolak Nabi Hud dan Salleh sebagai utusan Allah. Akhirnya Allah telah memberi azab kepada kedua-dua kaum ini kerana mereka telah mengingkari perintah Allah. Surah Hud, ayat 50-62.

*the literary expression of the existing Malay society. In the process, stories were adapted, adopted and extensively recast.*³⁷

Kegiatan terjemahan mahupun saduran daripada karya asal ini berlaku kerana para ulama Arab dan Parsi telah lebih awal berada di Alam Melayu dalam mengembangkan agama Islam. Antara contoh karya saduran Parsi ialah *Taj al-Salatin (Mahkota Raja-raja)* yang dikatakan telah diterjemah dan disusun oleh Bukhari al-Jauhari³⁸ atau seorang tukang emas dari Bokhara yang berada di Acheh sekitar 1603.³⁹ Karya ini bukan sahaja membincangkan tentang peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah kepada manusia di samping kisah siksaan di akhirat⁴⁰ kepada yang mengingkari perintahnya tetapi juga terdapat beberapa panduan kepengarangan⁴¹ yang menjadikannya begitu popular sehingga dapat menarik minat masyarakat membacanya.⁴²

Karya yang disalin dan diterjemah bukan sahaja melibatkan kesusasteraan Arab dan Parsi malah turut juga melibatkan tulisan kawi tentang beberapa cerita daripada kitab-kitab tua Hindu terutamanya daripada kitab *Mahabharata* dan *Ramayana* yang terkenal pada ketika itu. Kitab *Mahabharata* dan *Ramayana* telah diterjemah ke dalam bahasa Jawa kuno dan usaha ini adalah daripada bantuan orang Jawa yang telah datang ke Melaka pada zaman itu.⁴³ Setelah karya tersebut melalui proses Jawanisasi, lahir pelbagai versi cerita *Ramayana* dan *Mahabharata* dalam bahasa Jawa kuno samada dalam bentuk puisi mahupun prosa. Kemudian lahir pula beberapa versi Melayu tentang cerita *Ramayana* ini dikenali dengan nama *Hikayat Seri Rama*.⁴⁴ Antaranya versi yang telah disunting oleh Roorda van Eysinga (1843), versi suntingan Shellabear, versi suntingan Maxwell dan sebuah lagi versi yang dikenali sebagai *Hikayat Maharaja Ravana*.⁴⁵ Apa yang

³⁷ P.G. Riddell (2001), *Islam and the Malay Indonesian World*, Singapore: Horizon Books, h. 101

³⁸ Menurut Khalid M. Hussain, kemungkinan nama pengarang atau penterjemah atau penyadur karya ini ialah Bukhari Johori iaitu Bukhari dari Johor. Kenyataan ini dibuat berdasarkan kaligrafi yang mencatat nama tersebut di samping sebuah lagi naskhah bandingan bercap batu di Johor Baharu pada 1296H yang menunjukkan bahawa karya ini telah dikarang oleh seorang anak negeri dan menjadi begitu terkenal di Johor ketika itu. Bukhari al-Jauhari, *Taj Us-Salatin*, Khalid M. Hussain (penyelenggara) (1992), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xiv.

³⁹ R. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, h. 139.

⁴⁰ Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, h. 45-46.

⁴¹ Lihat beberapa panduan kepengarangan dalam Bukhari al-Jauhari, *Taj Us -Salatin*, h. 130-131, 219-220.

⁴² Antara tokoh yang dipercayai membaca kitab ini ialah Nuruddin ar-Raniri, Raja Ali Haji, Yang Dipertuan Muda (YDM) Raja Ali bin Raja Jaafar, Raja Muhammad Haji bin Marhum Mursyid Raja Abdullah, Munsyi Abdullah selain pemerintah Belanda iaitu von de Wall. Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu*, h. 253. Lihat surat Raja Ali Haji kepada von de Wall bertarikh 1 Februari 1859. Jan van der Putten, dan Al-Azhar (pengenal) (1995), *Di Dalam Berkekalan Persahabatan 'In Everlasting Friendship': Letters From Raja Ali Haji*, Depart. Of Languages and Cultures of SEA and Oceania: University of Leiden, h. 45-46. Bukhari al-Jauhari, *Taj us-Salatin*, h.xiii.

⁴³ Harun Mat Piah et.al (1988), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi kedua, h. 144.

⁴⁴ *Hikayat Seri Rama* menceritakan tentang episod pembukaan negeri baru iaitu Mandura Pura Negara oleh Perdana Menteri Puspa Jaya Kerma, salasilah Dasarata, peristiwa baginda pergi berburu, sakit dan sebagainya. Keterangan lanjut mengenai karya ini sila lihat Ibid. h. 145-149.

⁴⁵ M.Rajantharan (1999), *Sejarah Melayu: Kesan Hubungan Kebudayaan Melayu dan India*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 80-81.

berbezanya ialah dari segi nama tuhan Brahma dalam hikayat ini telah ditukar kepada nama Allah dan terdapat beberapa kisah nabi-nabi dimuatkan di dalamnya sesuai untuk pembacaan penduduk di Alam Melayu yang ramai telah menganut agama Islam.⁴⁶

Karya Pensejarahan Islam dan Pengaruhnya

Penghasilan karya sejarah yang menyangkut tentang tokoh-tokoh agama terutamanya para anbia dan rasul serta semua peristiwa yang berkaitan dengan agama adalah suatu yang amat dituntut oleh Islam.⁴⁷ Untuk tujuan itu para ulama awal turut menghasilkan karya pensejarahan Islam seiring dengan penghasilan beberapa karya agama dan sastera dengan matlamat yang sama iaitu untuk memudahkan lagi usaha dakwah di kalangan masyarakat Melayu. Selain tugas membentuk tulisan Melayu-jawi, mereka turut berusaha menghasilkan karya berbentuk kepahlawanan dengan paparan tokoh-tokoh pahlawan Islam di samping menjadikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai model unggul di dalam sejarah. Sifat peribadi dan akhlak baginda serta sahabat-sahabatnya cuba dimuatkan di dalam karya agama demi menarik masyarakat kepada agama Islam.⁴⁸ Ini kerana mereka sedar akan sifat semulajadi manusia yang lebih cenderung kepada kisah berbentuk kepahlawanan, maka mereka cuba menjalankan dakwah melalui pendekatan tersebut. Dengan cara tersebut maka usaha dakwah mereka akhirnya membuahkan hasil iaitu dengan penerimaan agama Islam di kalangan hampir keseluruhan masyarakat Melayu ketika itu.

Sebagaimana sesetengah karya agama dan sastera, penghasilan karya sejarah turut mendapat pengaruh daripada tradisi Arab dan Parsi. Sesetengah daripada mereka merujuk dan menterjemah beberapa karya Parsi dan Arab ke dalam bahasa Melayu manakala sesetengah yang lain pula menyadur terus atau sebahagian daripada karya tersebut untuk dimuatkan ke dalam karya Melayu yang baru dikarang oleh mereka. Karya yang diterjemah, yang disadur mahupun yang dikarang semula oleh mereka itu akhirnya menjadi popular di kalangan masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu. Antara kategori karya pensejarahan Islam yang telah menarik minat dan mendapat tempat di hati orang Melayu pada zaman awal ialah *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Raja Khandak*, *Qisas al-Anbiya*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiyah* dan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu sehingga menjadi terkenal di Alam Melayu pada abad ke-15. Mereka telah menyesuaikan kisah-kisah yang berlaku semasa permulaan Islam di Tanah Arab dan Parsi ke dalam penulisan sastera Melayu sehingga digemari oleh masyarakat Melayu membacanya pada ketika itu.

⁴⁶ A.Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, h.10 dan 19. Lihat juga Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, h. 41.

⁴⁷ Muhd. Yusof Ibrahim (1997), *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 54.

⁴⁸ Akhlak Nabi Muhammad s.a.w digambarkan melalui karya seperti *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Bulan Berbelah* atau *Hikayat Mukjizat Nabi* dan *Hikayat Nabi Wafat*. *Ibid.*, h. 54.

Menurut Winstedt terdapat hanya tiga karya legenda Islam yang digunakan pada abad ke-15 dan awal abad ke-16 iaitu *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Muhammad Hanafiyah* berdasarkan kenyataan yang terdapat di dalam *Sejarah Melayu*.⁴⁹ *Hikayat Iskandar Zulkarnain* iaitu sebuah karya yang terkenal sejak zaman berzaman merupakan karya yang asalnya dipercayai disusun oleh seorang pujangga Arab bernama Al-Suri⁵⁰ di Iskandariah pada abad ke-2.⁵¹ Karya ini telah dianggap sebagai karya tertua di Alam Melayu malah ia telah ditulis sebelum pembentukan Kesultanan Melayu Melaka lagi.⁵² Karya ini memaparkan tentang kehebatan Iskandar Zulkarnain yang memperolehi identiti sebagai seorang Raja Rum berketurunan raja Parsi iaitu dua buah kerajaan yang saling berganti memegang hegemoni dunia.⁵³ Beliau yang dianggap sebagai seorang pahlawan terkenal telah menyebarkan agama Nabi Ibrahim sehingga sampai ke India.⁵⁴ Karya ini dipercayai telah disalin daripada versi bahasa Arab-Parsi⁵⁵ ke dalam bahasa Melayu⁵⁶ dan terdapat tidak kurang 17 buah

⁴⁹ R. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, h. 87 dan P.G. Riddell (2001), *Islam and the Malay Indonesian World*, Singapore: Horizon Books, h. 102.

⁵⁰ Nama al-Suri (meninggal dunia 727M) ini telah disebut oleh P.J. van Leeuwen sebagai pengarangnya kerana di dalam karya tersebut terdapat nama beliau. Pandangan ini telah disangkal oleh Winstedt yang menganggap bukan al-Suri sahaja yang mengarang karya tersebut tetapi Abdullah ibn Muqaffa juga turut disebut di dalam karya tersebut. Oleh itu Winstedt membuat kesimpulan bahawa karya ini adalah hasil daripada kumpulan cerita-cerita yang telah dikarang oleh lebih dari seorang pengarang. Khalid Hussain (1967), *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xx-xxi.

⁵¹ Kisah mengenai Iskandar Zulkarnain merupakan antara kisah dongeng yang popular dalam tradisi Arab sebelum kedatangan Islam selain kisah Ashab al-Kahfi. Setelah kedatangan Islam al-Quran telah memperbetulkan kisah-kisah tersebut yang telah banyak disulami oleh dongengan. Wan Yahya Wan Ahmad (1992), *Pensejarahan Awal Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 11.

⁵² T. Iskandar (Disember 1967), "Three Malay Historical Writings in the First Half of the 17th Century", dalam *JMBRAS*, vol. XL, part 2, h. 45.

⁵³ Siti Chamamah Soeratro, "Hikayat Iskandar Zulkarnain dalam Khazanah Sastra Melayu", kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 21-23 Ogos, 1989, h. 4.

⁵⁴ Khalid Hussain (diusahakan), *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, h. xxvii.

⁵⁵ Beberapa sarjana telah berselisih pendapat mengenai versi asalnya. C. Hooykaas berpendapat bahawa *Hikayat Iskandar Zulkarnain* berasal dari versi yang terdapat di dalam bahasa Parsi sedangkan Ph.S. van Ronkel pula berpendapat bahawa versi Melayunya tidak ada langsung dari negeri Arab. Manakala P.J. van Leeuwen membenarkan pendapat Ronkel tetapi beliau mengatakan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* ini adalah suatu kekecualian dari aksioma (kenyataan yang dianggap benar tanpa bukti) ini. Ini kerana baginya naskah yang berasal dari Arab belum tentu semuanya berasal dari negeri Arab kerana telah banyak negara-negara menjadi negara Islam dan ramai pujangga yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa sastra mereka. Disebabkan itu maka banyak karya dalam bahasa Arab yang dicipta di luar negeri Arab daripada di negeri Arab sendiri. *Ibid.*, h. xx.

⁵⁶ Bagi Winstedt dan Ismail Hamid, hikayat ini telah ditulis dalam bahasa Greek seabad sebelum atau selepas Nabi Isa dilahirkan. Ismail Hamid turut berpendapat bahawa karya ini telah ditulis di Alexandria berdasarkan sejarah perjalanan serta beberapa siri ekspedisi Alexander the Great bersama rakannya Callisthenes. Kemudian karya ini telah diterjemah ke dalam pelbagai bahasa dengan penambahan beberapa kisah fiksiyen berdasarkan imiginasi pengarang sehingga menjadikan Alexander sebagai tokoh yang hebat bagi setiap bangsa. Misalnya orang Mesir menganggap Alexander sebagai pahlawan mereka. Bagi orang Parsi, Alexander merupakan anak kepada raja mereka. Pengarang-pengarang Kristian pada abad ke-16 dan ke-17 pula menganggap Alexander sebagai seorang Kristian yang taat kepada agama. Manakala sesetengah pengarang Muslim pula menganggap beliau sebagai pahlawan mereka yang telah menawan kerajaan barat dan timur serta berakwah kepada ramai pemerintah dengan ajaran Nabi Ibrahim a.s. sepertimana yang tercatat di dalam al-Quran. Legenda Alexander ini telah mengalami beberapa perubahan yang telah dilakukan oleh penulis-penulis Muslim

naskah salinannya telah ditemui.⁵⁷ P.J. van Leeuwen yang telah membuat kajian terhadapnya berpendapat bahawa versi Melayu yang turut mempunyai unsur-unsur Arab ini adalah bersumberkan antara lain daripada al-Quran khususnya surah al-Kahfi, ayat 83 hingga 101.⁵⁸ Akhirnya karya ini telah tersebar luas sehingga menjadi masyhur di rantau ini⁵⁹ terutamanya di Melaka setelah raja Melaka pertama berkahwin dengan puteri Pasai dan membawa manuskrip tersebut ke Melaka pada 1409.⁶⁰

Bagi Winstedt kisah penaklukan Iskandar Zulkarnain ini ditulis adalah untuk tujuan moral supaya paparan tentang kegagahannya dapat dicontohi oleh masyarakat umum. Menurut Wilkinson, setiap bangsa berbeza dalam menilai kegagahan dan keberanian Iskandar Zulkarnain. Ada yang mengatakan bahawa beliau sebagai kesatria yang mengembara (*knight-errant*), zuhud (*monkish ascetic*), pendakwah Islam, raja yang sentiasa mendapat kejayaan (*all-prosperous monarch*) dan sebagainya.⁶¹ Manakala Winstedt menganggapnya sebagai seorang *disillusioned world-conqueror*.⁶² Kisah kegagahan Iskandar Zulkarnain ini telah mendapat pengaruhnya di dalam beberapa karya Melayu awal seperti *Sejarah Melayu*, *Taj as-Salatin*, *Bustan al-Salatin*,⁶³ *Hikayat Banjar*, *Undang-undang Minangkabau*, *Hikayat Palembang*, *Cerita Asal Raja Bima*, *Cariyosipun Sultan Iskandar* (ditulis di dalam bahasa Jawa), *Riwayat Bujahal Rum* (di dalam bahasa Madura) dan *Hikayat Sultan Iskandar Zulkarnain* (di dalam bahasa Bugis).⁶⁴ Misalnya di dalam *Sejarah Melayu* kisah mengenai kegagahan Iskandar Zulkarnain dipaparkan di bahagian awal karya tersebut sehingga salasilah raja-raja Melayu juga disusun galurkannya.⁶⁵ *Taj as-Salatin* pula menjadikan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* sebagai salah sebuah daripada rujukan sumbernya⁶⁶ dan bab kedua fasal 12 karya *Bustan as-Salatin* juga turut menyebut secara ringkas tentang kisah Iskandar Zulkarnain dan keperwiraannya.⁶⁷

seperti 'Umarah, Mubashir, al-Suri dan sebagainya. R.Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, h. 92. Lihat juga Ismail Hamid, *Islamic Hikayat*, h. 142.

⁵⁷ Siti Chamamah Soeratno, "Hikayat Iskandar Zulkarnain dalam Khazanah Sastra Melayu", h. 2.

⁵⁸ P.J. van Leeuwen telah menggunakan versi Melayu untuk pengkajian tesis Phd.nya di Universiti Leiden pada 1937 berjudul "De Maleische Alexanderroman". Khalid Hussain (dusahkan), *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, h. xix.

⁵⁹ Teks *Hikayat Iskandar* ini telah tersebar di rantau ini sehingga watak Iskandar telah dimasukkan di dalam cerita-cerita rakyat Sulu, Kedah, Banjarmasin, Melaka-Johor, Siak dan Deli. A.C. Milner (1982), *Kerajaan: Malay Political on the Eve of Colonial Rule*, Arizona: The University of Arizona Press, h.5. Lihat juga Khalid Hussain (dusahkan), *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, h. xiv.

⁶⁰ R.Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, h. 93.

⁶¹ *Ibid.*, h. 92.

⁶² *Ibid.*, h. 92.

⁶³ Siti Hawa Salleh (penyusun) (1992), *Bustan al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. ix. Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu*, h. 233-261.

⁶⁴ Siti Chamamah Soeratno, "Hikayat Iskandar Zulkarnain dalam Khazanah Sastra Melayu", h. 1

⁶⁵ *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, h.4-8. Lihat juga A.Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, h. 5 dan 55.

⁶⁶ Pengarang *Tajus Salatin* menggunakan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* ketika mengambil cerita mengenai sikap seorang utusan yang membawa surat daripada Raja Dara. Utusan tersebut telah melakukan kesalahan kerana bersikap khianat terhadap rajanya dengan merubah kata-kata yang terdapat di dalam surat yang dihantar oleh Raja Dara kepada Iskandar. Bukhari al-Jauhari, *Taj ul-Salatin*, h. 133-134.

⁶⁷ *Bustan al-Salatin I*, h. 319.

Kewujudan beberapa kisah tentang Iskandar Zulkarnain di dalam *Sejarah Melayu*, *Taj as-Salatin*, *Bustan as-Salatin* dan beberapa karya lain menunjukkan betapa pentingnya peranan Iskandar Zulkarnain di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Secara tidak langsung juga membuktikan bahawa riwayat tentang kemasyhuran dan kegagahan tokoh legenda Islam yang dibaca menerusi *Hikayat Iskandar Zulkarnain* ini telah sampai ke pengetahuan masyarakat Melayu lebih awal sekurang-kurangnya seawal kedatangan Islam sehingga turut mempengaruhi pemikiran mereka. Bukti pengaruh tersebut dapat dilihat apabila terdapat raja-raja Melayu yang menggunakan nama atau gelaran Iskandar seperti Raja Iskandar Shah (Raja Melaka Pertama: 1394-1414), Sultan Mahmud Iskandar Shah (Raja Perak ke-11: 1654-1720), Sultan Iskandar Zulkarnain Shah (Raja Perak ke-14: 1756-1765), Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda Khalifatur Rahim (Raja Perak ke-16: 1773-1792), Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (Raja Aceh ke-12: 1607-1636) dan Sultan Iskandar Thani (Raja Aceh ke-13: 1636-1641).

Selain penggunaan karya ini sebagai contoh untuk diikuti oleh masyarakat Melayu, beberapa watak utama dalam karya tersebut turut diambil untuk dijadikan sebagai 'pendiri' atau punca kepada raja-raja Melayu seperti watak Iskandar Zulkarnain yang tertera di dalam *Sejarah Melayu*. Di dalam *Sejarah Melayu* bahagian awalnya menyebut secara ringkas kisah penaklukan Iskandar Zulkarnain dan salasilah keturunannya yang dihubungkan dengan raja-raja Melayu berasal dari Bukit Siguntang. Di samping itu kisah Iskandar Zulkarnain telah diislam dan dinikahkan oleh Nabi Khidir⁶⁸ dengan anak Raja Kida Hindi bernama Puteri Syahrul Bariyah turut dimuatkan di dalamnya.⁶⁹

Selain *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, *Hikayat Amir Hamzah* yang telah dikarang dalam bahasa Parsi pada abad ke-11⁷⁰ juga merupakan antara karya terkenal di rantau ini. Karya yang diterjemah ke dalam bahasa Arab dan Melayu⁷¹ merupakan sebuah hikayat yang mengisahkan tentang perjuangan dan peperangan sabil yang telah dijalankan oleh Amir Hamzah dalam menyebarkan dan meluaskan agama Nabi Ibrahim⁷² di zaman jahiliyyah atau sebelum kedatangan Islam. Watak utama yang

⁶⁸ Nabi Khidir (yang hijau) dianggap sebagai penasihat utama kepada Iskandar Zulkarnain dan dikatakan mempunyai kuasa ghaib dan pakar dalam ilmu firasat. Tugasnya ialah untuk mengiringi Iskandar Zulkarnain ke mana sahaja, menjadi guru dalam memberi bimbingan rohani kepada Iskandar dan menerangkan tentang sesuatu yang dilihat oleh Iskandar sepanjang perjalanan mereka. Khalid M. Hussain (dusahkan), *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, h. xx.

⁶⁹ Dalam naskhah *Hikayat Iskandar Zulkarnain* yang dimiliki oleh Dato' Muda Linggi menyebut bahawa nama anak Raja Kida Hindi yang dikahwini oleh Iskandar Zulkarnain bernama Tuan Puteri Badrul Qumriyah manakala naskhah yang diselenggara oleh Khalid Hussain pula menyebut bahawa Raja Iskandar telah berkahwin dengan Tuan Puteri Noraini iaitu anak kepada Raja Tabus. Ibid., h. xxiv-xxv. *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, h.6. Lihat juga R. O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, h. 92

⁷⁰ Brakel mengatakan *Hikayat Muhammad Hanafiyah* versi Parsi telah selesai dikarang pada 1010. L.F.Brakel, (penyelenggara) (1975.), *The Hikayat Muhammad Hanafiyah*, The Hague: KITLV, h. 54.

⁷¹ Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, h. 144.

⁷² Di dalam hikayat ini watak Hamzah telah digambarkan sebagai penganut agama Nabi Ibrahim sebelum menyertai Nabi Muhammad s.a.w sedangkan kisah sebenar di dalam sejarah Islam Hamzah merupakan penentang kuat ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad pada peringkat awal. Setelah mendapat hidayah, barulah beliau menganut agama Islam dan turut menyertai Nabi

digambarkan adalah tentang watak bapa saudara Nabi Muhammad s.a.w iaitu Saidina Hamzah yang dipercayai hidup selama 180 tahun dan syahid dalam peperangan Uhud.⁷³ Saidina Hamzah merupakan pahlawan yang hebat dan sentiasa beroleh kemenangan menerusi kaedah dan cara-cara berperang yang telah dilakukan bagi menentang musuh. Kaedah ini secara tidak langsung dipercayai boleh menaikkan semangat keislaman serta menarik minat pembacanya di kalangan orang Melayu khususnya di Melaka.⁷⁴ Dengan penyaduran mahupun terjemahan yang telah dilakukan maka secara tidak langsung telah menyebabkan wujudnya beberapa persamaan di antara kedua-dua buah karya ini dengan *Sejarah Melayu*. Misalnya nama Raja Nursyirwan Adil (Raja negeri Parsi) yang dikatakan seorang raja di negeri Masyrik dan Maghrib sepertimana terdapat di dalam *Hikayat Amir Hamzah* turut sama terdapat di dalam *Sejarah Melayu*.⁷⁵

Selain itu, *Hikayat Muhammad Hanafiyyah* yang juga merupakan saduran daripada karya asal berbahasa Parsi⁷⁶ turut dianggap sebagai sebuah karya sejarah dan mendapat ikutan di dalam penulisan sejarah tempatan.⁷⁷ Misalnya *Hikayat Raja-raja Pasai* yang dianggap tertua mempunyai persamaan dengan *Hikayat Muhammad Hanafiyyah* terutama dari segi pembukaan katanya. *Hikayat Muhammad Hanafiyyah* lebih menceritakan tentang ketenteraan yang diketuai oleh Hasan dan Husin (anak Saidina Ali Abu Talib) dalam menentang Muawiyah b. Abu Sufyan. Menurut kenyataan Winstedt, hikayat ini telah berada di Aceh sejak abad ke-15 dan awal abad ke-16 lagi. Kemudian ia telah dikumpulkan oleh Pieter Floris alias van Elbinck yang berada di Aceh pada 1604 dan di Patani pada 1612.⁷⁸

Hikayat Amir Hamzah dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiyyah* telah digunakan di Melaka dalam konteks menaikkan semangat keperwiraan di kalangan masyarakat Melayu menentang musuh. Menurut *Sejarah Melayu* kedua-dua karya ini merupakan karya yang paling digemari oleh masyarakat Melayu sebelum kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada 1511. Kenyataan ini boleh dilihat

Muhammad menentang puak Quraisy. Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man (1996), *Sastera Melayu Warisan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 129

⁷³ S.A. Dahlan (1969), *Hikayat Amir Hamzah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. vii.

⁷⁴ Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man, *Sastera Melayu Warisan Islam*, h. 129

⁷⁵ Abdul Rahman Haji Ismail (dirumikan) (1998), *Sejarah Melayu-The Malay Annals*, MS. Raffles No.18, Kuala Lumpur: MBRAS, h. 72. Selepas ini disebut *Sejarah Melayu-The Malay Annals* sahaja. Lihat juga Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man, *Sastera Melayu Warisan Islam*, h. 130

⁷⁶ Menurut Ismail Hamid, van Ronkel telah menemui sebuah manuskrip bertajuk *Hikayat Muhammad Hanafiyyah* di British Muzium di bawah tajuk Rieu's Catalogue of Persian Manuscripts. Setelah dibuat perbandingan dengan versi bahasa Melayu, didapati terdapat persamaan antara keduanya. Dengan itu beliau mengandaikan bahawa *Hikayat Muhammad Hanafiyyah* versi Melayu telah diterjemah daripada versi Parsi. Hal yang sama turut diperkatakan oleh L.F. Brakel iaitu keseluruhan teks Parsi ini telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu di bahagian utara Sumatera. Ismail Hamid, *Islamic Hikayat*, h. 146. Lihat juga L.F.Brakel, (penyelenggara), *The Hikayat Muhammad Hanafiyyah*, h. 16 dan 56. Lihat juga Mustafa Mohammad Isa (1999), *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 134.

⁷⁷ Lihat Teuku Iskandar, "Historiografi Melayu: Antara Nilai Sastera dan Sejarah", kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, 21-23 Ogos, 1989, h. 4.

⁷⁸ R.Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, h. 87. Lihat juga Mahayudin Haji Yahaya, *Karya Klasik Melayu-Islam*, h. 263.

menerusi *Sejarah Melayu* sesudah tentera Portugis melancarkan serangan pertamanya ke atas Melaka seperti berikut:

Maka Sultan Ahmad Syah pun mengampungkan orang, dan disuruh berhadir senjata;...segala hulubalang dan segala anak tuan-tuan semuanya bertunggu di balairung. Maka kata segala anak tuan-tuan itu, “Apa kita buat duduk saja ini? Baik kita membaca hikayat perang, supaya kita beroleh faedah daripadanya.” Maka sahut Tun Muhammad Unta, “Benarlah seperti kata tuan-tuan itu; baiklah Tun Indera Segara pergi pohonkan *Hikayat Muhammad Hanafiyyah*,...Maka oleh Sultan Ahmad Syah dianugerahi baginda *Hikayat Amir Hamzah*, titah baginda pada Tun Indera Segara, “Katakan pada segala anak tuan-tuan itu, hendak pun kita anugerahkan *Hikayat Muhammad Hanafiyyah*, takut tiada akan ada berani segala tuan-tuan itu seperti Muhammad Hanafiyyah; hanya jikalau seperti Amir Hamzah adalah gerangan beraninya, sebab itulah maka kita beri *Hikayat Amir Hamzah*.⁷⁹

Setelah *Hikayat Amir Hamzah* diperolehi dan dibawa kepada Tun Isap, maka Tun Isap meminta agar Tun Indera Segara memohon kepada Sultan Ahmad⁸⁰ sebuah hikayat terkenal iaitu *Hikayat Muhammad Hanafiyyah* kerana mereka ingin menjadi gagah dan berani seperti Muhammad Ali Hanafiyyah. Setelah hajat tersebut disampaikan maka Sultan Ahmad menganugerahi pula *Hikayat Muhammad Hanafiyyah* kepada mereka untuk mereka mengambil faedah daripadanya sebelum mereka bertempur dengan angkatan Portugis pada keesokan harinya. Melalui kisah tersebut secara tidak langsung menunjukkan bahawa hikayat ini telah wujud dan terkenal di Alam Melayu sebelum 1511 lagi.

Selain itu terdapat juga beberapa buah hikayat yang mengisahkan tentang kegagahan pahlawan-pahlawan Islam seperti *Hikayat Raja Khandak* yang meriwayatkan tentang kegagahan Saidina Ali menentang musuh-musuh Islam di zaman Rasulullah s.a.w,⁸¹ manakala *Qisas al-Anbiya'* pula memaparkan tentang kisah nabi-nabi terdahulu. Kedua-dua buah karya kepahlawanan ini turut juga memainkan peranannya dalam perkembangan pensejarahan Islam di Alam Melayu pada zaman awal. Tujuan penghasilan karya sejarah Islam ini secara umumnya adalah untuk memberi pengajaran berguna kepada pembaca walaupun ia dihasilkan dalam pelbagai bentuk seperti prosa, puisi dan sebagainya. Selain itu juga para pendakwah menggunakan hasil-hasil kesusasteraan tersebut sebagai kaedah untuk menyebarkan dakwah dan menyampaikan mesej Islam mereka kepada semua penduduk yang berada di Alam Melayu.⁸²

⁷⁹ *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, h. 268.

⁸⁰ Menurut Tome Pires, Sultan Ahmad adalah anak Sultan Mahmud Shah dengan isterinya, iaitu kakak kepada Raja Zainal. Isterinya ini telah dibunuh oleh Sultan Mahmud Shah tanpa diketahui sebabnya ketika baginda sedang mabuk menghisap ganja. *The Suma Oriental*, h.254.

⁸¹ A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, h. 3

⁸² Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man, *Sastera Melayu Warisan Islam*, h. xv

Karya penasejarah Islam ini lahir adalah akibat daripada perkembangan tamadun Islam yang berkembang di Timur Tengah dan Timur Jauh. Walaupun tidak dinafikan bahawa para pengarangnya telah merujuk sumber-sumber daripada al-Quran, hadis-hadis Nabi, kata-kata sahabat dan sebagainya bagi menghasilkan karya sejarahnya, namun terdapat beberapa pengubahsuaian dan penambahan beberapa kisah bersifat fantastik yang telah dilakukan oleh para pengarangnya dengan tujuan menjadikan karya tersebut bersifat kreatif dan popular. Pengubahsuaian ini telah menyebabkan pengarangnya dituduh telah memutarbelitkan fakta-fakta sejarah sebenar seterusnya mengelirukan pembacanya mengenai pandangan hidup Islam.⁸³ Misalnya pengarang *Hikayat Iskandar Zulkarnain* mengisahkan bagaimana Allah telah menugaskan Nabi Khidir sebagai penasihat dan pembantu kepada pahlawan-pahlawan tersebut dalam peperangan menentang musuh dan juga menyebarkan agama Allah di seluruh alam.⁸⁴ Keterangan ini telah bertentangan dengan tugas dan watak sebenar Nabi Khidir sepertimana yang tersebut di dalam al-Quran dan beberapa kitab sejarah. Daripada keterangan al-Quran, Nabi Khidir dikatakan wujud pada zaman Nabi Musa sebagai seorang yang soleh dan hebat dari segi ilmunya berbanding Nabi Musa.⁸⁵

Hal yang sama turut berlaku terhadap watak Hamzah bin Amir Ibrahim di dalam *Hikayat Amir Hamzah* yang digambarkan sebagai seorang pejuang yang hidup selama 180 tahun dan terlibat dalam beberapa peperangan untuk menyebarkan dan meluaskan agama Nabi Ibrahim telah dipesongkan daripada fakta sebenar.⁸⁶ Jika dilihat menerusi beberapa buah karya sejarah Islam jelas menunjukkan bahawa Hamzah merupakan bapa saudara kepada Nabi Muhammad dan seorang pahlawan Quraisy yang handal. Baginda begitu menyayanginya kerana Hamzah merupakan orang yang mula-mula menyokongnya dan turut menyertai Nabi Muhammad menentang puak Quraisy di dalam beberapa siri peperangan sehingga beliau turut gugur syahid di dalam peperangan Uhud⁸⁷ ketika berumur lebih kurang 59 tahun.⁸⁸

⁸³ Kritikan terhadap pemesanan dan pemalsuan fakta sebenar yang terdapat di dalam karya penasejarah Islam telah dilakukan oleh gerakan pemuliharaan agama Islam di Mekah yang telah dipimpin oleh Muhammad Abdul Wahab atau lebih dikenali sebagai gerakan Wahabi. Bagi mereka pemesanan tersebut boleh menyebabkan kekeliruan masyarakat Islam terhadap doktrin Islam dan menyeru umat Islam kembali kepada sumber al-Quran dan Hadis Nabi. Gerakan ini telah memberi kesan terhadap golongan intelektual di Malaysia dan Indonesia terutamanya yang mendapat pendidikan di Timur Jauh. Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, h.194-195

⁸⁴ *Ibid.*, h. 204

⁸⁵ Allah telah menunjukkan kepada Nabi Musa tentang kehebatan Nabi Khidir sebagai seorang yang soleh dan mempunyai kelebihan ilmu yang tinggi. Nabi Khidir disebut tinggal antara dua lautan dan setelah Nabi Musa menemuinya, kesabarannya telah diuji oleh Nabi Khidir di dalam beberapa peristiwa seperti peristiwa pembocoran perahu, pembunuhan seorang kanak-kanak, dan membaiki dinding sebuah rumah. Lihat Surah al-Kahfi, ayat 60- 82. Lihat juga al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalaniy, *Kisah Nabi Khidir a.s.*, Syahrin Nasution (penterjemah) (1996.), Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 6, 83 -88.

⁸⁶ Lihat kisah mengenai kekuatan dan kegagahan Amir Hamzah dalam menentang dan menawan Raja Nu'man, Raja Anushirwan (Raja Parsi) dan sebagainya. S.A.Dahlan (penyelenggara) (1969.), *Hikayat Amir Hamzah*.

⁸⁷ Martin Lings (Abu Bakar Siraj al-Din) (1983), *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources*, Kuala Lumpur: Foundation for Traditional Studies and A.S. Noordeen, h. 58-59. Muhammad Sa'id

Disebabkan hal ini maka karya yang dikategorikan sebagai pensejarahan Islam ini telah diklasifikasikan sebagai legenda Melayu oleh sebilangan sarjana Orientalis seperti Winstedt, van Ronkel, Snouck Hurgronje dan sebagainya. Ini kerana karya yang dicipta itu mempunyai elemen-elemen yang bercampur di antara fakta yang benar dengan bahan-bahan berbentuk tradisi setempat⁸⁹ termasuk kepercayaan yang bertentangan dengan akal fikiran manusia. Walaupun terdapat sedikit sebanyak fakta yang telah ditambah dan menyimpang dari kisah sebenar namun penghasilannya dalam usaha memperkenalkan agama Islam dan pahlawan-pahlawannya secara tidak langsung telah membina konsep sejarah di dalam pemikiran masyarakat Melayu. Selain digunakan sebagai iktibar dan pengajaran kepada manusia, penghasilan karya pensejarahan Islam ini juga dianggap sebagai suatu sumbangan ilmu yang besar kepada dunia dan akhirat yang berpanjangan oleh masyarakat Islam secara keseluruhannya.⁹⁰

Kesimpulan

Secara umumnya kemasukan Islam yang rata-rata dibawa oleh ulama dari Arab dan Parsi yang berhasrat menyebarkan Islam di Alam Melayu telah membawa perubahan besar dalam masyarakat Melayu. Masyarakat bukan sahaja mempelajari tentang al-Quran, feqah, tauhid malah turut mempelajari sejarah melalui kisah-kisah yang terkandung di dalam al-Quran. Pengajian sejarah ini kemudiannya telah membawa kepada penghasilan terjemahan beberapa buah karya pensejarahan Islam. Masyarakat mula menerima karya pensejarahan Islam mahupun yang berbentuk agama sesuai dengan kehendak dan naluri mereka yang telah memeluk agama Islam. Karya-karya pensejarahan Islam yang telah diterjemah ini turut mempengaruhi pemikiran pengarang sehingga beberapa ciri pensejarahan Islam yang terkandung di dalamnya turut dimuatkan di dalam karya sejarah tempatan.

Rujukan

- A. Samad Ahmad (penyelenggara) (1996), *Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Ahmad (1958), *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahman Haji Ismail (dirumikan) (1998), *Sejarah Melayu-The Malay Annals*, MS. Raffles No.18, Kuala Lumpur: MBRAS
- Abu Hassan Sham (1995), *Hukum Kanun Melaka*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka

Ramadan al-Buti (1997), *Fiqh al-Sirah*, terjemahan oleh Mohd Darus Sanawi, Selangor: Pustaka Fajar, Jilid 2, h. 354-357. Muhammad Zakariya Kandahlawi (1998), *Kisah-Kisah Para Sahabat*, Johor Bahru: Jahabersa, Jilid 1-2, h. 119-120

⁸⁸ S.A. Dahlan (penyelenggara), *Hikayat Amir Hamzah*, h. viii.

⁸⁹ Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, h. 194-195.

⁹⁰ Muhd. Yusof Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, h. 54.

- Ahmad Fauzi Mohd Basri (penyelenggara) (1992), *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalaniy (1996), *Kisah Nabi Khidir a.s.*, Syahrin Nasution (penterjemah), Kuala Lumpur: Darul Nu'man
- Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man (1996), *Sastera Melayu Warisan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Amran Kasimin, 'Arabic Words in the Malay Vocabulary: A Critical Study of Existing Malay Dictionaries,' Tesis M.A, Sarjana Persuratan, Institut Bahasa Melayu, Kesusasteraan dan Budaya, UKM, Kuala Lumpur, 1976.
- Azyumardi Azra (2002), *Jaringan Global, dan Lokal Islam Nusantara*, Bandung: Penerbit Mizan
- Barbara Watson Andaya (1979), *Perak, The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth-Century Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Brakel, L.F. (penyelenggara) (1975), *The Hikayat Muhammad Hanafiyyah*, The Hague: KITLV
- Bukhari al-Jauhari (1992), *Taj Us -Salatin*, Khalid M. Hussain (penyelenggara), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- De Eredia Godingo (1997), "Description of Malaca, Meridional India and Cathay", J.V. Mills (terjemahan), *MBRAS*, Reprint 14
- Hamka (1985), *Tafsir al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional
- Hamka (1997), *Sejarah Umat Islam*, Singapura: Pustaka Nasional
- Harun Mat Piah *et.al.* (1988), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Harun Yahya (1999), *Perished Nations*, Istanbul: Ta-Ha Publishers, h. 115.
- Jelani Harun (penyelenggara) (2004), *Bustan al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khalid Hussain (1967), *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahayudin Hj. Yahaya (2003), *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Martin Lings (Abu Bakar Siraj al-Din) (1983), *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources*, Kuala Lumpur: Foundation for Traditional Studies and A.S. Noordeen
- Matheson Hooker Virginia (1991), *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Matheson Virginia (1985), *Kisah Pelayaran ke Riau: Journey to Riau, 1984*, IC no. 36, Mac.

- Milner A.C. (1982), *Kerajaan: Malay Political on the Eve of Colonial Rule*, Arizona: The University of Arizona Press
- Mohd Saleh Hj. Awang (Dato' Haji) (1992), "Batu Bersurat Terengganu: Bacaan, Tafsiran dan Ulasan Isi Kandungan serta Keadaannya", kertas kerja Wacana Batu Bersurat, 11 April.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (1997), *Fiqh al-Sirah*, terjemahan oleh Mohd Darus Sanawi, Selangor: Pustaka Fajar, Jilid 2
- Muhammad Yusoff Hashim (1989), *Kesultanan Melayu Melaka: Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Zakariya Kandahlawi (1998), *Kisah-Kisah Para Sahabat*, Johor Bahru: Jahabersa
- Muhd. Yusof Ibrahim (1997), *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muller (terjemahan) (1884), "Valentyn's Description of Malacca", *JSBRAS*, No. 13, Jun.
- Mustafa Mohammad Isa (1999), *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Pintado M.J. (translation) (1993), *Portuguese Documents on Malacca 1509-1511*, vol. 1, Kuala Lumpur: Arkib Negara
- Putten Jan van der, dan Al-Azhar (pengenalan) (1995), *Di Dalam Berkekalan Persahabatan 'In Everlasting Friendship': Letters From Raja Ali Haji*, Depart. Of Languages and Cultures of SEA and Oceania: University of Leiden
- Rajantharan M. (1999), *Sejarah Melayu: Kesan Hubungan Kebudayaan Melayu dan India*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Riddell P.G. (2001), *Islam and the Malay Indonesian World*, Singapore: Horizon Books
- S.A. Dahlan (dusahakan) (1969), *Hikayat Amir Hamzah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysia Sociological Research Institute
- Shafie Abu Bakar, "Kitab al-Durr al-Manzum dan Kitab al-Luma' Sebagai Pancaran Budaya Ilmu di Melaka: Permasalahan dan Pengaruh Lanjutannya," kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 21-23 Ogos 1989
- Siti Chamamah Soeratno, "Hikayat Iskandar Zulkarnain dalam Khazanah Sastera Melayu", kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 21-23 Ogos, 1989

- Siti Hawa Salleh (penyusun) (1992), *Bustan al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Farid Alatas (1985), "Notes on Various Theories Regarding the Islamization of the Malay Archipelago", dalam *The Muslim World*, Vol. LXXV, Hartford: The Duncan Black MacDonald Center
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1970), *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Teuku Iskandar (Disember 1967), "Three Malay Historical Writings in the First Half of the 17th Century", dalam *JMBRAS*, vol. XL, part 2
- Teuku Iskandar, "Historiografi Melayu: Antara Nilai Sastra dan Sejarah", kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, 21-23 Ogos, 1989.
- Wan Muhammad bin Wan Ali, 'Suntingan dan Anotasi Sebuah Kitab Tasawwuf Melayu Kurun Ketiga Belas Hijrah/ Kedelapan Belas Masihi: ad-Durru'n-Nafis,' Tesis Sarjana Persuratan, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973
- Wan Yahya Wan Ahmad (1992), *Pensejarahan Awal Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Winstedt R.O (1969), *A History of Classical Malay Literature*, Oxford: Oxford University Press